

06/04/2003

Remaja Malaysia terus unggul di Megalanes

Saufi Hamzah

MALAYSIA melebarkan hayunan emas di Pusat Bowling Megalanes, Prai apabila

meraih tiga emas semalam, menjadikan empat kesemuanya untuk menduduki tangga teratas dari segi pungutan pingat Kejohanan Sekolah-sekolah Asia.

Emas negara pada hari kedua semalam disumbangkan melalui beregu lelaki dan perempuan serta berpasukan lelaki dengan Nadri Mohd Noor sekali lagi menonjol dengan dua emas peribadi selepas muncul juara acara perseorangan, kelmarin.

Pemain muda Selangor itu menampilkan permainan mantap ketika berpasangan dengan Jonathan Lim untuk menjuarai acara beregu lelaki pada sebelah pagi sebelum menyerlah sekali lagi pada sebelah petang ketika beraksi acara berpasukan.

Gandingannya bersama Eric Ang, Aaron Kong dan Jonathan dalam skuad Malaysia A mencatat 4,721 jatuhan pin untuk memberikan emas keempat negara.

Sebelum itu, Yazliza Razlan yang gagal meraih emas dalam perseorangan, kelmarin bangkit menebus kehampaan apabila gandingannya dengan Voon Kim Ling menyaksikan mereka muncul juara beregu perempuan dengan jatuhan 2,325 jatuhan pin.

Kemenangan Nadri dan Jonathan yang menjatuhkan 2,434 pin diperlebarkan oleh gandingan Khairul Hafidz Ramri-Karry Chang yang memberikan perak dengan catatan 2,421 manakala pasangan Filipina, JC Tupaz dan Clark Tiu, gangsa, 2,417.

"Kami berasa lega kerana dapat menang emas walaupun pada suatu ketika agak mencemaskan kerana permainan bersahaja kami hampir membawa padah," kata Nadri sambil merujuk kepada game terakhir apabila dia dan Jonathan dan meraih jatuhan rendah iaitu 165 dan 162 bagi mengumpul 327 pin.

"Apapun, saya berharap dapat meneruskan permainan baik dan memenangi emas All-Events dan Masters".

Jonathan pula berkata, kemenangan dalam beregu lelaki itu mengubat kehampaan ketika gagal meraih emas dalam perseorangan.

Keputusan

Lelaki: Beregu - 1 Jonathan Lim-Nadri Mohd Noor (Mas) 2,434 pin ,
Khairul

Hafidz Zamri-Karry Chang (Mas) 2,421, JC Tupaz-Clark Tiu (Fil) 2,417.

Berpasukan: 1. Malaysia A (Nadri Mohd Noor, Eric Ang, Aaron Kong,
Jonathan

Lim) 4,721 pin, 2 Malaysia B (Khairul Hafidz, Mahathir Mohd Nor, Steven Yam dan Karry Chang) 4,659, 3 Filipina B (Jomar Jumapao, Clarence Tiu, Diego Candano, Markwin Tee) 4,522.

Perempuan: Beregu 1 Voon Kim Ling-Yazliza Razlan 2,325 pin, 2 Toni Woodcock-Jayde Flanagan (Aus) 2,261, 3 Elaine Lam-Enaz Diana (Mas) 2,169.

Berpasukan: 1 Australia (Toni Woodcock, Kate Murry, Bianca Flanagan,
Jayde

Flanagan) 4,302 pin, 2 Malaysia A (Yazliza Razlan, Kim Ling, Zandra Aziela, Yazlin Razlan) 4,259, 3 Malaysia B (Sharon Koh, Elaine Lam, Enaz Diana Ezanee, Esther Cheah) 4,093.